

# Umat Islam perlu bersatu hadapi musuh sebenar

BH 10 DEC 2000

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembabitan umat Islam dalam politik bukan alasan untuk mereka berpecah-belah, sebaliknya terus memupuk agar bersatu menghadapi ancaman musuh sebenar.

Menurut Perdana Menteri, sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah, umat Islam tidak sepatutnya mempunyai perbezaan dalam menunaikan ibadah dan oleh itu lebih baik umat Islam merapatkan hubungan ketika berada dalam masjid.

Katanya, politik orang Islam sebenarnya politik seluruh orang Islam kerana mereka sedang menghadapi ancaman daripada orang bukan Islam yang memusuhi mereka.

"Politik yang dimaksudkan ialah politik menentukan bagaimana kita boleh menghadapi musuh. Tidak bermakna politik sesama kita supaya berlaku pecah-belah sehingga kita tidak boleh bercakap bersama, imam dua dan sebagainya.

"Ini berlaku (sekarang), dulu tidak ada. Umur saya dah 75 tahun. Saya biasa hidup ketika zaman British dulu, selepas itu Jepun, Siam, balik kepada British sebelum merdeka.

"Orang Melayu ketika itu bersatu-padu. Mereka orang Islam yang mengikut mazhab Shafie, tidak ada banyak perbezaan di antara kita," katanya ketika berucap pada majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri di Masjid Kampung Gelam, Kedawang, di sini, semalam.

Dr Mahathir juga mendedahkan ada imam di beberapa masjid memberhentikan sembahyang tarawih selepas empat rakaat semata-mata bagi memberikan laluan kepada syarahan politik.